

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF PASAR AWAM**  
**SAMAGAGAH**  
**2 JUN 2013 (AHAD)**

---

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Seri Utama Anwar bin Ibrahim**  
Ahli Parlimen Permatang Pauh

**Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen Seberang Perai**

**Yang Berhormat ADUN-ADUN Seberang Perai**

**Yang Berusaha Ahli Majlis - Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Wartawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan**

**Salam Sejahtera**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Berhormat Dato' Seri Utama Anwar bin Ibrahim kerana sudi melapangkan masa untuk hadir ke Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Pasar Awam Sama Gagah pada pagi ini. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan Majlis Perasmian ini yang merupakan program anjuran Kerajaan Negeri bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Para hadirin sekalian,

Sebagai PBT, salah satu perkhidmatan utama yang harus diberikan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah peka dan prihatin terhadap keperluan dan isu-isu yang berkaitan para peniaga di pasar awam.

Untuk makluman semua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukan RM 5 juta untuk tujuan pembaikan kecil di 23 pasar awam yang terletak di Seberang Perai, dan RM 5 juta lagi menaiktaraf 3 buah pasar awam iaitu Pasar Awam Sri Bandar, Pasar Awam Taman Berjaya,

Nibong Tebal dan juga Pasar Awam Samagagah. Disamping itu, sebuah pasar awam baru juga akan dibina di Juru dengan peruntukan sebanyak RM 1 juta dan ia dijangkakan siap pada bulan Disember 2013. MPSP juga menerima peruntukan sebanyak RM 1,119,100 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan menaiktaraf dua pasar awam iaitu Pasar Awam Kampung Baru dan Pasar Awam Berapit.

Dengan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan menyediakan sebuah persekitaran di pasar awam yang selesa, saya sebagai YDP MPSP ingin memohon kepada para peniaga supaya bersama-sama dengan MPSP untuk menjaga kemudahan, fasiliti seperti tandas dan lain-lain kemudahan yang disediakan dengan baik dan menjaga kemudahan tersebut seperti ia adalah milik kita.

Untuk makluman semua, pada tahun 2012, MPSP telah membelanjakan RM 734,502.65 untuk tujuan menyelenggara pasar awam dan kompleks penjaja di Seberang Perai. Keadaan yang banyak berlaku di mana memerlukan penyelenggaraan adalah para peniaga membuat 'plug point' tambahan untuk lampu dan kipas tanpa kelulusan dan kebenaran daripada Majlis. Keadaan ini akan menambahkan bebanan elektrik dan seterusnya menyebabkan bekalan elektrik terputus dan masalah akan kembali kepada para peniaga yang berniaga di satu-satu pasar awam tersebut. Sempena

dengan majlis perasmian pada pagi ini, saya ingin menyeru kepada semua peniaga pasar awam dan kompleks penjaja di Seberang Perai supaya mendapatkan kelulusan dan kebenaran daripada Majlis sebelum membuat sebarang penambahan keperluan di gerai masing-masing. Ini adalah untuk mengurangkan berlakunya sebarang kerosakan yang tidak diingini yang boleh mengganggu urusan jual beli para peniaga.

Pada tahun 2013, MPSP telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1,754,700.00 untuk tujuan penyelenggaraan pasar awam dan kompleks penjaja. Saya berharap dengan kerjasama daripada semua peniaga, ia dapat membantu MPSP mengurangkan perbelanjaan untuk penyelenggaraan dan menggunakan peruntukan yang diijamatkan tersebut untuk tujuan menyediakan kemudahan yang lain kepada masyarakat Seberang Perai.

Kerajaan Negeri bukan sahaja memberikan peruntukan untuk menaiktaraf dan membina pasar-pasar awam di Seberang Perai tetapi juga memberi potongan sebanyak 50% kepada mereka yang memohon lesen penjaja iaitu dari RM 30.00 kepada RM 15.00 sahaja. Sementara itu, sewa gerai-gerai di Pasar Awam Samagagah juga adalah rendah iaitu diantara RM 30.00 sehingga RM 120.00 sahaja. Oleh itu, sekali lagi saya ingin meminta kerjasama daripada semua peniaga di sini dan pasar awam yang lain

supaya membantu MPSP untuk menjaga pasar awam dengan baik dan menjadi sebuah pasar yang selesa untuk dikunjungi oleh semua orang.

Selain itu, saya juga ingin memohon semua peniaga, pengunjung supaya dapat menjaga kebersihan di pasar kerana dengan adanya sebuah pasar yang bersih, ia baru dapat menarik pengunjung untuk membeli di sesebuah pasar tersebut.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim, Ahli Parlimen Permatang Pauh, YB-YB dan para jemputan kerana kesudian hadir pada pagi ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.